



KURSUS PENGUATKUASAAN & PENYIASATAN
PEMBAKARAN TERBUKA

Akta & Peraturan-Peraturan Berkaitan
Pembakaran Terbuka.







17 Jun 2019 , EiMAS Bangi Selangor

KANDUNGAN

- Pendahuluan
- Definisi Pembakaran Terbuka
- Undang-Undang Bagi Mengawal Aktiviti Pembakaran Terbuka
- Perwakilan Kuasa Penyiasatan Pembakaran Terbuka
- Aktiviti Yang Dibenarkan
- Rumusan

Pendahuluan

- Pembakaran Terbuka merupakan salah satu punca pencemaran udara di Malaysia.
- Rekod EKAS - terdapat sebanyak 3889 aduan pembakaran terbuka pada 2018 dan 2845 aduan pada Januari 2019 sehingga Mei 2019



Definisi Pembakaran Terbuka

“Pembakaran terbuka” adalah apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan melalui serombong atau cerobong, tetapi tidak termasuk aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Seksyen 29A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

Undang-Undang bagi Mengawal Aktiviti Pembakaran Terbuka

- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974
 - Seksyen 29A
 - Seksyen 29AA
 - Seksyen 29B
 - Seksyen 29C
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perbadanan Putrajaya) 2003
- Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003
- Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(Pembakaran Terbuka) 2000

Sek. 29A, AKAS 1974 – Larangan atas pembakaran terbuka

29A(1)	Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis
29A(2)	Denda tidak melebihi RM 500,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka
29A(3)	Takrifan 'pembakaran terbuka'

Sek. 29AA AKAS 1974 – Tidak termasuk sebagai pembakaran terbuka

29AA(1)	Menteri melalui perintah boleh mengisytiharkan apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan bukan <u>pembakaran terbuka</u> sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 29A selagi aktiviti itu dijalankan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam perintah.
29AA(2)	Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan kebakaran, pembakaran atau pembaraan itu berlaku jika Ketua Pengarah memberitahu, dengan apa-apa cara: <ul style="list-style-type: none"> a) Bahawa kualiti udara telah mencapai tahap yang tidak sihat; dan b) Bahawa kebakaran, pembakaran atau pembaraan akan membahayakan alam sekeliling

Sek. 29 B, AKAS 1974 – Pemunya & penduduk premis bertanggung jawab bagi pembakaran terbuka

Jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis;-

- a) pemunya; atau
- b) penduduk ,

premis itu yang mempunyai kawalan atas premis itu adalah disifatkan telah melanggar subseksyen 29A(1), kecuali dibuktikan sebaliknya

Seksyen 29C, AKAS 1974 - Pembelaan

Dalam kes pendakwaan di bawah sek.29A & 29B adalah menjadi pembelaan jika orang, pemunya atau penduduk premis itu membuktikan-

- a) Pembakaran terbuka berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pembicaraan atau persetujuannya; atau
- b) (i) Dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah atau
(ii) menjalankan segala usaha yang wajar

untuk mencegah pelakuan kesalahan yang sepatutnya diambil & dilaksanakan olehnya dengan mengambil kira jenis tanggungjawabnya atau sifat itu dan kepada segala hal keadaan

Perwakilan Kuasa Penyiasatan Terbuka

Seskyen 49
AKAS 1974
- Perwakilan
Kuasa

Ketua Pengarah boleh dengan perintah mewakili

- mana-mana daripada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen, penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Akta ini
- kepada mana-mana pegawai awam, mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang dilantik olehnya.”

Keputusan Jemaah Menteri

- Meningkatkan penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka
- Menurunkan kuasa JAS kepada agensi yang relevan untuk mempertingkatkan pengawasan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka
- April 1998, Jemaah Menteri bersetuju penurunan kuasa kepada agensi lain untuk tujuan SIASATAN;

Perintah Perwakilan Kuasa

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa)
(penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000

- kepada pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa)
(Perbadanan Putrajaya) 2002

- kepada Perbadanan Putrajaya termasuk kuasa-kuasa yang lain

Peruntukan Kesalahan dan Kuasa Yang Diwakilkan

Seksyen	Peruntukan Kesalahan
Seksyen 29A	Kesalahan Pembakaran Terbuka

Seksyen	Peruntukkan Kuasa
Seksyen 38	Kuasa untuk menjalankan penyiasatan, pemeriksaan, membuat pertanyaan, pemeriksaan fizikal, mengambil sampel dsb.
Seksyen 38A	Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes (rakaman percakapan)

Nota :

Perwakilan kuasa ini TIDAK merangkumi kuasa untuk MENGGOMPAUN dan PENDAKWAAN.

Oleh itu proses mendakwa atau mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 29A, AKAS 1974 akan dijalankan oleh JAS.

Agensi-agensi yang telah diwakilkan kuasa

1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. Polis Diraja Malaysia
3. Kementerian Kesihatan
4. Pihak Berkuasa Tempatan
5. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
6. Perbadanan Putrajaya
7. Majlis Perbandaran Labuan

Perintah aktiviti yang diisytiharkan

1. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003
2. Dibuat melalui peruntukan Sekyen 29AA, AKAS 1974
3. Perintah ini menyenaraikan 15 aktiviti yang telah diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka selagi ianya dijalankan mengikut syarat-syarat tertentu yang dinyatakan dalam Perintah berkenaan.

15 AKTIVITI YANG DIBENARKAN (diisytiharkan sebagai bukan pembakaran terbuka)

- a) Tumbuhan berpenyakit/berbahaya /kelengkapan pertanian
- b) Bangkai binatang/haiwan yang dijangkiti
- c) Tujuan kajian/latihan
- d) Pertanian pindah/kontan
- e) Batang padi
- f) Daun tebu dalam kawasan tidak melebihi 20 hektar
- g) Tanam semula – pekebun kecil dalam kawasan tidak melebihi 2 hektar sehari
- h) Tunggul nenas dalam kawasan tidak melebihi 6 hektar
- i) Upacara keagamaan

samb...

- j) Pembakaran mayat
- k) Unggun api
- l) Gril/ barbeku/ tungku api
- m) Tanam semula kebun – peladang sara hidup
- n) Aktiviti kampung/ di luar bandar
- o) Gas mudah terbakar

Mengapa 30 km jejari dari KLIA?

1. Laluan penerbangan (keselamatan)
2. Tanah Gambut
3. Pembakaran Terbuka/Jerebu
4. Imej kepada Negara

Pembakaran Terbuka yang dibenarkan dilakukan dalam kawasan 30 km jejari di sekitar KLIA:

1. Tumbuhan berpenyakit/berbahaya/kelengkapan pertanian
2. Upacara keagamaan
3. Pembakaran mayat
4. Gril /barbeku /tungku api
5. Gas mudah terbakar

Antara syarat-syarat pembakaran

- Membuat permohonan kelulusan
- Membuat pemberitahuan secara bertulis kepada JAS
- Mendapat kelulusan bertulis dari JAS
- Pemakluman kepada PDRM atau penghulu
- Ditebang dan kering sebelum dibakar
- Pembakaran pada masa-masa tertentu
- Jauh dari jalan raya/ laluan utama (elak kacau ganggu)
- Dikawal dan dipantau dengan rapi
- Tidak dilakukan di atas tanah gambut



SEKIAN TERIMA KASIH